



Tel: +(6)07-5533333 Faks: +(6)07-5579887 <http://ebendahari.utm.my/bendahari/>

RUJUKAN KAMI :

RUJUKAN TUAN :

UTM.J.03/10.12/3 Jld.4 (9)

8 Jun 2016

SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN

Assalamualaikum Wrt. Wbt.

Y.Bhg. Dato'/Prof./Tuan/Saudara,

SURAT PEKELILING BENDAHARI BIL. 1 TAHUN 2016

MENINGKATKAN AUTORITI HAD LIMIT PEMBAYARAN DAN PEROLEHAN BEKALAN DAN PERKHIDMATAN BAGI AKTIVITI YANG MENGGUNAKAN DANA SUMBER DALAMAN UNIVERSITI

Adalah saya dengan hormatnya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita bersama ini dikemukakan Pekeliling Bendahari Bil. 1/2016 untuk makluman dan tindakan Y.Bhg. Dato'/Prof./Tuan/Saudara selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”

Yang benar,

HJH. SHARIFAH 'ALWIAH BINTI SYED ALWI

Bendahari

Universiti Teknologi Malaysia

- s.k. :
- 1) Y.Bhg. Naib Canselor
 - 2) Y.Bhg. Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
 - 3) Y.Bhg. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
 - 4) Y.Bhg. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Mahasiswa & ALUMNI)
 - 5) Y.Bhg. Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - 6) Pendaftar
 - 7) Pengarah Kampus, UTM Kuala Lumpur
 - 8) Timbalan Bendahari Kanan UTM Kuala Lumpur
 - 9) Ketua Audit Dalam

LAMPIRAN

Ketua Pustakawan

Perpustakaan Sultanah Zanariah

Dekan

Fakulti Sains

Fakulti Alam Bina

Fakulti Pendidikan

Fakulti Tamadun Islam

Fakulti Kejuruteraan Awam

Fakulti Kejuruteraan Elektrik

Fakulti Kejuruteraan Mekanikal

Fakulti Biosains & Kejuruteraan Perubatan

Fakulti Kejuruteraan Geoinformasi dan Harta Tanah

Fakulti Komputeran

Fakulti Pengurusan

Fakulti Kejuruteraan Kimia

Fakulti Kejuruteraan Petroleum dan Kejuruteraan Tenaga Diperbaharui

Sekolah Pengajian Siswazah

Pengarah Kerja

Pejabat Harta Bina

Pengarah

Unit Sukan

Pusat Islam

Akademi Bahasa

Unit Pengurusan Makmal Universiti (UPMU)

Pusat Kursus Umum dan Kokurikulum (CGCC)

Penerbit UTM Press

Pusat Kesihatan Mahasiswa

Pusat Kaunseling & Kerjaya

Pusat Inovasi dan Komersilisasi

Institut Pembangunan Bioproduct (IBD)

Pusat Pengajaran & Pembelajaran (CTL)

Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC)

Institut Kajian Sains Fundamental Ibnu Sina

Pusat Komunikasi & Teknologi Maklumat (CICT)

Pengarah Eksekutif *Research Alliance*

Sustainability

Energy

Materials & Manufacturing

K-Economy

Frontier Sciences

Infocomm

Transportation

Water

Construction

Bio-Tech

Timbalan Pendaftar

Pejabat TNC (Penyelidikan & Inovasi)

Timbalan Pendaftar Kanan

Pejabat Canseleri

Pejabat Hal Ehwal Mahasiswa & Alumni

Pengetua

Kolej Rahman Putra

Kolej Tun Fatimah

Kolej Tun Razak

Kolej Rahman Putra

Kolej Tun Dr. Ismail

Kolej Tuanku Canselor

Kolej Perdana

Kolej 9

Kolej 10

Kolej 11

Kolej Datin Seri Endon

Kolej Tun Ghafar Baba

Kolej Dato' Onn Jaafar

Pejabat Hal Ehwal Mahasiswa & Alumni

UTM Johor Bahru

Dekan

Malaysia-Japan International Institute Technology (MJIIT)

UTM Razak School of Engineering and Advanced Technology

UTM Perdana School of Science Technology and Innovation Technology

Advanced Informatics School (UTM AIS)

International Business School (IBS)

Sekolah Pendidikan Profesional dan Pendidikan Berterusan (*UTMSPACE*)

UTM Kuala Lumpur

Jalan Sultan Yahya Petra

54100 Kuala Lumpur

Ruj. Kami : UTM.J.03/10.12/3 Jld.4 (9)

**PEKELILING BENDAHARI
BIL 1 TAHUN 2016**

MENINGKATKAN AUTORITI HAD LIMIT PEMBAYARAN DAN PEROLEHAN BEKALAN DAN PERKHIDMATAN BAGI AKTIVITI YANG MENGGUNAKAN DANA SUMBER DALAMAN UNIVERSITI

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada Pusat Tanggungjawab (PTJ) tentang peningkatkan autoriti had limit pembayaran dan perolehan bagi aktiviti-aktiviti yang menggunakan dana yang diperolehi daripada sumber dalaman Universiti.

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Sumber perbelanjaan Universiti diperolehi dari Geran kerajaan dan dana sumber dalaman Universiti. Geran kerajaan adalah terdiri daripada Geran Mengurus, Geran Pembangunan dan Geran Penyelidikan.

Sumber dalaman Universiti terdiri daripada hasil langsung dan sumber tabung. Hasil langsung adalah dari sumber seperti berikut:

- a) Yuran Pengajian
- b) Yuran Asrama
- c) Faedah/Keuntungan Pelaburan
- d) Sewaan Ruang/Bangunan
- e) Pelbagai hasil
- f) Sumber tabung

- 2.2 Pada tahun 2014 perbelanjaan mengurus Universiti ditampung dari hasil langsung sebanyak RM95,588,783 atau 13.5%. Manakala pada tahun 2015 hasil langsung menampung sebanyak RM88,400,000 atau 10.9% dan sumber tabung sebanyak RM68,000,000 atau 10.9%. Sila rujuk jadual seperti dilampiran 1.
- 2.3 Memandangkan pada tahun 2016 peruntukan geran mengurus UTM dari kerajaan telah berkurang sebanyak RM82,303,000.00 atau 16.53% berbanding tahun 2015, UTM perlu menjana lebih banyak sumber dalaman untuk menampung kos operasi dan pentadbiran Universiti.
- 2.4 Sehubungan dengan itu perolehan dan perbelanjaan dari sumber dalaman Universiti khususnya dari sumber tabung perlu dipermudah dan ditambahbaik bagi menjana hasil sumber dalaman yang lebih tinggi.

3.0 PERATURAN KEWANGAN SEDIA ADA

3.1 **Pembayaran Inbois, Pesanan Tempatan Dan Pendahuluan Perjalanan Serta Pelbagai.**

Pembayaran Inbois dibenarkan bagi pembelian bernilai **RM5,000.00 ke bawah**. Pembelian ini tidak memerlukan penyediaan Pesanan Tempatan. Bagi pembelian bernilai melebihi RM5,000.00, Pesanan Tempatan perlu disediakan.

Bagi permohonan pendahuluan pelbagai, peraturan sedia ada menetapkan had maksima berjumlah RM5,000.00. Manakala pendahuluan perjalanan pula hanya dibenarkan untuk elaun makan dan hotel/lojing.

3.2 **Penggunaan Wang Sendiri.**

Peraturan yang sedia ada membenarkan pemohon menggunakan wang sendiri sehingga **RM5,000.00 untuk setiap item** pembelian. Pembayaran akan dibuat atas nama pemohon setelah semakan dokumen dan baki dibuat.

3.3 **Pembelian Terus**

Pekeliling Bendahari Bil. 6/2014 (Tatacara Perolehan Universiti) menetapkan pembelian melebihi **RM 5,000.00** perlu melalui Pesanan Tempatan. Kaedah pembelian terus dibenarkan sehingga had maksima **RM 50,000.00**.

3.4 **Rundingan Terus**

Bagi permohonan dalam dan luar negara bernilai melebihi **RM5,000.00** sehingga **RM500,000.00** permohonan diluluskan oleh Jawatankuasa Sebut Harga Universiti.

3.5 **Panggilan Sebut harga**

Bagi permohonan yang melebihi **RM50,000.00** hingga **RM200,000.00** panggilan sebut harga hendaklah dipelawa daripada 5 buah syarikat berdaftar dengan Kementerian Kewangan. Kelulusan permohonan ini diluluskan oleh Jawatankuasa Sebutharga PTJ atau Jawatankuasa Sebutharga Zon.

Bagi permohonan bernilai melebihi **RM200,000.00** hingga **RM500,000.00**, panggilan sebut hendaklah dipelawa sekurang-kurangnya daripada 5 buah syarikat dan berdaftar dengan Kementerian Kewangan. Permohonan ini perlu dinilai oleh 2 jawatankuasa penilaian iaitu Jawatankuasa Penilaian Teknikal dan Kewangan sebelum diperakukan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Sebut Harga PTJ/Zon. Kelulusan diberikan oleh Jawatankuasa Sebut harga Universiti.

3.6 **Tender**

Perolehan yang bernilai melebihi RM 500,000.00 akan diproses secara tender.

4.0 PELAKSANAAN

4.1 **Pembayaran Inbois, Pesanan Tempatan Dan Pendahuluan Perjalanan Serta Pelbagai.**

- 4.1.1 Perolehan secara inbois ditingkatkan sehingga RM10,000.00.
- 4.1.2 Pembelian kurang daripada RM10,000.00 tidak perlu dikeluarkan pesanan Tempatan memadai dengan surat Pesanan Belian daripada PTJ.
- 4.1.3 Permohonan pendahuluan pelbagai, had maksima untuk setiap permohonan dinaikkan sehingga RM10,000.00.
- 4.1.4 Pendahuluan perjalanan dibenarkan untuk tambang perjalanan, elaun makan dan hotel/lojing seperti berikut :
 - 4.1.4.1 Pendahuluan untuk tambang perjalanan boleh mengikut kadar sebenar tambang kapalterbang atau mengikut kadar perbatuan bagi yang dibenarkan menaiki kenderaan sendiri.
 - 4.1.4.2 Permohonan pendahuluan ini perlulah mengikut garis panduan yang sediada.
 - 4.1.4.3 Pejabat Bendahari akan menuntut kembali dokumen-dokumen kewangan bagi pemulangan resit dan mencadangkan pemotongan gaji bagi pemohon yang gagal mengemukakan resit-resit berkaitan.

4.2 **Penggunaan Wang Sendiri**

Pembayaran menggunakan penggunaan wang sendiri, had maksima ditingkatkan kepada **RM10,000.00** dengan syarat dikemukakan bukti-bukti pembelian seperti nota penghantaran (delivery order), inbois dan resit pembayaran.

4.3 Perolehan Secara Pembelian Terus

4.3.1 Bernilai melebihi RM10,000.00 sehingga RM100,000.00

4.3.1.1 Permohonan perlu disertakan dengan sekurang-kurangnya tiga (3) 'quotation' dari pembekal berdaftar dengan Kementerian Kewangan untuk perbandingan harga.

4.3.1.2 Pesanan Tempatan akan dikeluarkan selepas diluluskan oleh Ketua PTJ untuk pembelian terus yang bernilai sehingga RM50,000.00.

4.3.2 Bernilai melebihi RM50,000 sehingga RM100,000.00

4.3.2.1 Diperakukan oleh Ketua PTJ dan diluluskan oleh Jawatankuasa Sebutharga Universiti.

4.4 Perolehan Secara Rundingan Terus

4.4.1 Bagi projek/perniagaan yang bersifat unik dan tersendiri, proses pembelian secara rundingan terus dibuat untuk memenuhi keperluan projek/perniagaan bagi memastikan kejayaan hasil projek/perniagaan tersebut.

4.4.2 Bernilai melebihi RM100,000.00 sehingga RM500,000.00

4.4.2.1 Diperakukan oleh ketua PTJ dan diluluskan oleh Jawatankuasa Sebut harga Universiti.

4.4.3 Bernilai melebihi RM 500,000.00 sehingga RM 5 juta

4.4.3.1 Diluluskan oleh Lembaga Perolehan B.

4.4.4 Rundingan Terus bagi permohonan secara rundingan terus yang melebihi RM5 juta sehingga RM10 juta

4.4.4.1 Diluluskan oleh Lembaga Perolehan A

4.4.5 Rundingan Terus bagi permohonan secara rundingan terus yang melebihi RM10 juta

4.4.5.1 Diluluskan oleh Lembaga Pengarah Universiti

Proses perolehan secara Rundingan Terus adalah mengikut peraturan dan prosedur semasa.

Kesemua kelulusan ini adalah untuk rundingan terus dalam dan luar negara. Ketua PTJ perlu bertanggungjawab terhadap maklumat baki kewangan yang terkini.

4.5 **Perolehan Secara Sebut harga**

4.5.1 Bernilai melebihi RM100,000.00 sehingga RM1 juta

4.5.1.1 Kelulusan diberikan oleh Jawatankuasa Sebut Harga Universiti.

Proses perolehan secara Sebut Harga adalah mengikut peraturan dan prosedur semasa.

4.6 **Perolehan Secara Tender**

4.6.1 Bernilai melebihi RM1 juta sehingga RM20 juta

4.6.1.1 Diluluskan oleh Lembaga Perolehan B Universiti.

4.6.2 Bernilai melebihi RM20 juta sehingga RM 100 juta

4.6.2.1 Diluluskan oleh Lembaga Perolehan A Universiti.

Proses perolehan secara Tender adalah mengikut peraturan dan prosedur semasa.

Sila rujuk Lampiran I dan II bagi ringkasan pelaksanaan di ítem 4.1, 4.2, 4.3, 4.4, 4.5 dan 4.6.

Lampiran I adalah ringkasan autoriti had limit pembayaran dan perolehan bagi aktiviti yang menggunakan dana sumber dalaman universiti berbanding peraturan sediada.

Lampiran II adalah ringkasan jadual kadar had nilai perolehan bagi aktiviti yang menggunakan dana sumber dalaman universiti berbanding peraturan sediada.

Memecahkecilkan jumlah pembelian dengan menyalahafsirkan satu jenis ítem dan membeli secara berasingan secara sengaja atau tidak sengaja serta tidak mengikut peraturan yang telah ditetapkan adalah tidak dibenarkan.

5.0 INTEGRITI DALAM PEROLEHAN

Semua kakitangan Universiti hendaklah menjaga integriti dalam urusan perolehan Universiti yang meliputi Pembelian Terus, Rundingan Terus, Sebutharga dan Tender. Ketua PTJ adalah bertanggungjawab memastikan pelaksanaan integriti dalam Perolehan Universiti dilaksanakan. Sebarang pelanggaran terhadap peraturan yang ditetapkan hendaklah diambil tindakan sewajarnya mengikut peraturan sediada yang masih berkuatkuasa.

6.0 KESIMPULAN

- 6.1 Pengurangan sumber dari peruntukan Geran Kerajaan memerlukan Universiti lebih terbuka untuk mengembeleng dana dari sumber dalaman supaya dana ini bertambah besar untuk menampung kos operasai Universiti.
- 6.2 Pengurusan dari dana sumber dalaman memerlukan suatu proses pengurusan yang fleksibel, dinamik tetapi tetap terkawal. Pelaksanaan di atas dilihat dapat mengurangkan karenah birokrasi dalam pengurusan dana sumber kewangan Universiti.
- 6.3 Pelaksanaan ini juga dapat mempercepat dan menjadikan proses penjanaaan dana dari sumber dalaman Universiti lebih berkesan dan fleksibel.

7.0 TARIKH KUATKUASA

Surat Pekeliling ini berkuatkuasa bermula daripada tarikh pekeling dikeluarkan dan dibaca bersama Pekeliling Bendahari Bil 6 Tahun 2014, Surat Pekeliling Perbendaharaan dan Arahan Perbendaharaan yang masih berkuatkuasa di mana bersesuaian.

Lampiran I

Bil.	Perkara/Skop	Peraturan Sediada	Dana Sumber Dalaman
1.	Pembayaran Inbois, Pesanan Tempatan, Tuntutan Perjalanan Dan Pendahuluan.	<ul style="list-style-type: none"> i. Pembayaran melalui inbois untuk tuntutan bernilai RM5,000.00 kebawah. ii. Pembayaran melalui Pesanan Tempatan bernilai RM5,000.00 ke atas. iii. Pendahuluan Pelbagai dihadkan maksimum RM5,000.00. iv. Pendahuluan perjalanan diberi berdasarkan kepada elaun makan dan hotel. 	<ul style="list-style-type: none"> i. Had pembayaran melalui inbois dinaikkan kepada RM10,000.00. ii. Had pembayaran melalui Pesanan tempatan dinaikkan kepada RM10,000.00. iii. Had pendahuluan pelbagai dinaikkan kepada RM10,000.00. iv. Pendahuluan perjalanan dibenarkan untuk tambang perjalanan, elaun makan dan hotel/lojing.
2.	Penggunaan Wang Sendiri	Pembelian menggunakan wang sendiri dihadkan kepada maksima RM5,000.00	Pembelian menggunakan wang sendiri dinaikkan kepada RM10,000.00.
3.	Pembelian Terus	<ul style="list-style-type: none"> i. Pembelian Terus dibenarkan bagi permohonan pembelian bernilai RM300.00 sehingga RM50,000.00. ii. Pesanan Tempatan dikeluarkan bagi Pembelian Terus yang bernilai RM5,000.00 dan keatas. 	<ul style="list-style-type: none"> i. Pembelian Terus dicadang bagi pembelian bernilai melebihi RM10,000.00 sehingga RM50,000.00 diluluskan oleh Ketua PTJ. ii. Bernilai melebihi RM50,000.00 sehingga RM100,000.00 diperaku oleh Ketua PTJ dan diluluskan oleh JK Sebut Harga Universiti.

4.	Rundingan Terus	<p>i. Pembelian secara Rundingan Terus dalam negara dari pembekal tunggal bernilai RM5,001.00 sehingga RM20,000.00 perlu diperakukan oleh Ketua projek dan diluluskan oleh Pengarah RMC.</p> <p>ii. Bernilai RM20,001.00 sehingga RM50,000.00 dalam negara diperakukan oleh Dekan Research Alliance dan diluluskan JK Sebut harga RMC.</p> <p>iii. Bernilai RM20,001.00 sehingga RM50,000.00 luar negara diperakukan oleh JK Sebut harga RMC dan diluluskan JK Sebut harga RMC. Bernilai RM50,001.00 ke atas akan diperakukan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Sebut harga Universiti dan diluluskan oleh Kementerian Kewangan.</p>	<p>i. Rundingan terus dalam dan luar negara, dicadangkan permohonan perolehan rundingan terus yang bernilai melebihi RM100,000.00 sehingga RM500,000.00 diperakukan oleh Ketua PTJ dan diluluskan oleh Jawatankuasa Sebut harga Universiti.</p> <p>ii. Rundingan terus dalam dan luar yang bernilai melebihi RM500,000.00 sehingga RM5,000,000.00 diluluskan oleh Lembaga Perolehan B.</p> <p>iii. Rundingan Terus dalam dan luar yang melebihi RM5,000,000.00 sehingga RM10,000,000.00 diluluskan oleh Lembaga Perolehan A.</p> <p>iv. Rundingan Terus dalam dan luar bagi permohonan secara rundingan terus yang melebihi RM10,000,000.00 diluluskan oleh Lembaga Pengarah Universiti.</p>
----	-----------------	--	--

5.	Sebut Harga	<p>i. Pembelian yang bernilai RM50,000.00 sehingga RM 200,000.00 dibuat secara sebut harga dan diluluskan oleh Jawatankuasa Sebut harga PTJ/Zon.</p> <p>ii. Sebut harga yang bernilai RM 200,000.00 – RM500,000.00 akan diluluskan oleh JK Sebut harga Universiti.</p>	<p>Pembelian yang bernilai RM 100,000.00 sehingga RM1,000,000.00 akan dibuat secara sebut harga dan diluluskan oleh Jawatankuasa Sebut Harga Universiti.</p>
6.	Tender	<p>Perolehan yang bernilai melebihi RM500,000.00 dibuat secara tender dan diluluskan oleh Lembaga Perolehan Universiti.</p>	<p>i. Tender yang bernilai melebihi RM 1,000,000.00 sehingga RM 20,000,000.00 akan diluluskan oleh Lembaga Perolehan B Universiti.</p> <p>ii. Tender yang bernilai melebihi RM 20,000,000.00 sehingga RM100,000,000.00 akan diluluskan oleh Lembaga Perolehan A Universiti.</p>

Lampiran II

Bil.	Perkara/Skop	Peraturan Sediada	Dana Sumber Dalaman
1.	Pembelian Terus	Sehingga RM20,000.00	Sehingga RM100,000.00
2.	Sebut Harga	RM20,000.00 hingga RM500,000.00	RM100,000.00 hingga RM1 juta
3.	Tender	RM500,000.00 keatas	RM1 juta keatas